

Headline	IPT pemangkin bangsa, bukan kilang		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	31 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Sentral	Color	Full Color
Page No	N5	ArticleSize	304 cm <sup>2</sup>
AdValue	RM 10,253	PR Value	RM 30,759



# 'IPT pemangkin bangsa, bukan kilang'

» *Graduan perlu nilai tepat, diterima dalam pasaran kerja*

Oleh **Suhaila Shahrul Annuar**  
 ▸ **Kuala Lumpur**

Institut pengajian tinggi (IPT) di negara ini perlu bertindak sebagai pemangkin bangsa, bukan hanya 'kilang' yang melahirkan graduan untuk kepentingan industri dan ekonomi semata-mata.

Timbalan Menteri Pendidikan II, P Kamalanathan, berkata sebagai sumber bakat utama dan terbesar negara, graduan yang dilahirkan oleh IPT perlu mempunyai nilai yang tepat agar mereka mampu diterima dalam pasaran pekerjaan.

"Namun kita harus sedar, tugas sebenar universiti tidak boleh diabaikan. Ia penting untuk difahami bahawa misi utama universiti di negara ini adalah meneroka, membangun dan menyebarkan ilmu.

## Aspirasi universiti

"Adalah kurang tepat sekiranya fungsi IPT hanya dianggap untuk melahirkan graduan mengikut kepentingan industri. Kebolehpasaran graduan hanya salah satu

aspirasi universiti, bukan kepentingan strategik yang menjadi asas dan fungsi sebenar universiti.

"Itu sebenarnya peranan hakiki bagi universiti. Ia bukan sekadar hadir untuk membangunkan graduan bagi kepentingan industri dan ekonomi semata-mata, tetapi ada tanggungjawab lebih besar yang perlu dipikul iaitu membangunkan bangsa," katanya ketika berucap merasmikan majlis 'An Evening With CEOs: Towards Future Industrious Collaborations', di sini, baru-baru ini.

Majlis anjuran Pusat Kerjasama Universiti Industri (CUIC) Universiti Utara Malaysia (UUM) itu, turut dihadiri Naib Canselor UUM, Prof Datuk Dr Mohamed Mustafa Ishak.

Pada majlis itu, UUM turut menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan 18 syarikat dari pelbagai industri dalam usaha memperkemaskan struktur pengu- rusan dan penyampaian khidmat

universiti itu dengan industri berkaitan selain menjana idea serta penambahbaikan berterusan dalam latihan industri.

Turut diraikan 22 pelajar termasuk pengarah filem terkenal negara, Ahmad Idham Ahmad Nazri, yang berjaya mendapat biasiswa MyBrain 15 tajaan Kementerian Pendidikan bagi mengikuti program Ijazah Kedoktoran Industri di UUM.

**"Adalah kurang tepat sekiranya fungsi IPT hanya dianggap untuk melahirkan graduan mengikut kepentingan industri"**

**P Kamalanathan,**  
 Timbalan Menteri Pendidikan II



Kamalanathan (tengah) menyaksikan pertukaran **memorandum persefahaman** antara Pengarah Eksekutif Mydin Mohamed Holdings Bhd (Mydin), Datuk Ameer Ali Mydin (kiri) dengan Mohamed Mustafa pada Majlis 'An Evening With CEOs: Towards Future Industrious Collaborations, di Subang Jaya, Kuala Lumpur. [FOTO MUHD ZAABA ZAKERIA / BH]